

Karangan Bercuti Ke Pulau Langkawi

Pada cuti sekolah yang lalu, saya dan keluarga berpeluang bercuti ke sebuah tempat _____, iaitu Pulau Langkawi. Saya berasa sangat seronok kerana itu merupakan kali pertama saya ke sana. Sebelum bertolak kami mengemas barang-barang keperluan. Saya sekeluarga menaiki kereta. Setelah tiba di jeti, kami perlu _____ untuk sampai ke Pulau Langkawi. Masa yang diambil untuk sampai ke Pulau Langkawi adalah selama satu jam dari jeti.

Apabila sampai di jeti ayah segera _____ untuk pergi ke hotel. Setelah sampai di hotel yang telah ditempah oleh ayah seminggu yang lalu, saya terus merehatkan diri. Tempat pertama yang kami lawati ialah _____ yang mempunyai banyak sejarah. Pelbagai maklumat yang saya perolehi sepanjang berada di sana. Saya berasa sangat gembira kerana dapat mengetahui dengan lebih mendalam lagi tentang sejarah Mahsuri yang sebelum ini saya hanya mendengar namanya sahaja tetapi tidak mengetahui sejarah tentang Mahsuri.

Pada hari kedua, kami berkesempatan untuk _____. Saya sangat seronok sekali kerana pertama kali menaiki kereta kabel tersebut. Saya dapat _____ di seluruh Pulau Langkawi. Saya dapat menghirup udara yang segar dan nyaman di sini. Pada waktu petang, kami pergi ke Dataran Helang. Terdapat ramai pelancong yang mengunjungi Dataran Helang. Kebanyakan mereka datang ke Dataran Helang untuk mengambil gambar.

Pada hari ketiga pula, kami isikan masa kami dengan melawat sekitar pulau. Kami tidak melepaskan peluang melihat tempat-tempat menarik seperti Tasik Dayang Bunting dan Kampung Buku. Kami adik-beradik berpeluang mandi-manda di pantai yang bersih.

Pada hari keempat, kami berangkat pulang meninggalkan pulau yang indah, bersih dan menarik itu. Tempoh tiga hari bagi kami _____ untuk melawat sebuah pulau yang agak luas. Namun, pengalaman percutian itu _____ bagi saya. Walaupun tidak lama kami sekeluarga berada di sana, tetapi _____ yang dapat saya peroleh. Saya berharap saya dapat pergi ke Pulau Langkawi lagi pada masa akan datang.

melihat
pemandangan

menyewa kereta

tidak
mencukupi

banyak
kenangan

menaiki
kereta kabel

peranginan yang
menarik

Dataran Helang

menaiki feri

amat besar
maknanya

Makam Mahsuri